

ULASAN BUKU

Judul: *Pembangunan di Malaysia: Ke Arah Satu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*
Pengarang: Prof. Wan Mohd. Nor Wan Daud, Ph.D
Penerbit: Institut Antarabangsa Pemikiran Dan Tamadun Islam (ISTAC), Kuala Lumpur
Tahun Terbit: 2001
Halaman: 172

Buku karya Prof. Wan Mohd. Nor ini terbit tepat pada masanya kerana ianya merupakan hasil pemikiran beliau untuk menyelesaikan masalah semasa yang berkaitan dengan isu pembangunan, iaitu isu yang semakin segar di negara kita. Penulis membincangkan 16 perkara yang berkaitan dengan pembangunan, daripada persoalan asasi (hal. 1), sukan dan hiburan (hal. 125) sehinggalah kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan (hal. 137). Justeru, kandungan buku ini boleh dikatakan komprehensif walaupun hanya setebal 172 halaman.

Pandangan beliau yang berteraskan kepada fahaman kefalsafahan Prof. Syed Muhammad Naquib-alAttas amat menarik sekali kerana hujah-hujah yang diketengahkan oleh penulis adalah bersifat perbandingan dengan merujuk pula kepada penulis kontemporari di Barat yang klasik seperti penulisan Robert Merton (hal. 72-72) dan diadun lagi dengan pandangan tradisional yang masih lagi relevan di sana, misalnya seperti pendapat paderi John Henry Newman (hal. 16). Prof. Wan Mohd Nor berpendapat bahawa intisari pembangunan semestinya berteraskan kepada Islam jika yang dimahukan itu adalah pembangunan yang menyeluruh, iaitu yang merangkumi semua aspek kemanusiaan. Pembangunan di negara-negara seperti Amerika Syarikat hanya mengutamakan pembangunan zahir akibat daripada penafian mereka kepada kerelevanan agama (Kristian) dalam menangani masalah kemajuan.

Yang menariknya, kemajuan pembangunan yang bersepadu ini boleh diukur dengan lebih sempurna dengan mengambil kira statistik lain seperti kadar jenayah, penagihan dan penceraian (hal. 25-28). Jika tidak, pembangunan hanyalah merangkumi kadar kehidupan, kepanjangan umur dan pencapaian pendidikan, yang sudah pastinya tidak memberikan gambaran sebenar 'kesihatan' sesebuah negara

itu. Kebahagiaan pula seharusnya menjadi salah satu objektif terpenting pengislahan. Kebahagiaan di sini diertikan sebagai "*keyakinan yang kekal mesra menetap dalam kalbu insan...*" (hal. 51) yang sewajarnya berpaksikan kepada nilai-nilai agama yang dihayati sebagai kebaikan tersendiri (hal. 54).

Nilai-nilai agama (bukan sekadar agama Islam) yang berkaitan dengan pertimbangan etika dan moral dijadikan penulis sebagai salah satu asas penting untuk mengukur kejayaan Dasar Pembangunan Negara. Menurut beliau, "*Dasar-dasar dan kaedah-kaedah ekonomi dan politik mungkin boleh, dan harus berubah, ...tetapi pegangan dan pandangan ...yang berpandukan kepada agama, tidak harus sedemikian*" (hal. 61). Walaupun daripada segi aqidahnya setiap agama itu berbeza dengan yang lain, banyak sekali persamaan antara mereka dari segi etika dan moral yang boleh dikongsi bersama dan sewajarnya dijadikan pertimbangan penting untuk merangka dan merealisasikan Dasar Pembangunan Negara. Beliau juga mengingatkan bahawa agama tanzil ini tidak boleh digantikan dengan agama-agama kemasyarakatan (*civil religions*) seperti yang berlaku di negara-negara sosialis yang telah terbukti gagal; pembangunan negara mestilah berpandukan kepada agama yang kudus.

Pembangunan juga seharusnya selari dengan pengihlanan diri yang seharusnya tidak berpandukan kepada tata-tingkat keperluan Maslow (*hierarchy of needs [sic]*, hal. 71) atau pun memenuhi 'mimpi' Amerika (*American Dream*, hal. 71) yang terbukti secara empiriknya mustahil dipenuhi. Sebaliknya, pengihlanan mestilah melalui makam-makam kehidupan yang bermula daripada taubat sehinggalah kepada redha kepada apa sahaja yang diperolehi daripada Allah s.w.t..

Semua di atas ini sangat payah dicapai tanpa adanya pendidikan yang bersesuaian. Pendidikan tinggi sepatutnya merangkumi bidang fardhu 'ain dengan lebih mendalam dan tidaklah patut ilmu fardhu 'ain itu dianggap selesai selepas menamatkan sekolah rendah dalam sistem pendidikan kini. Berdasarkan pemahaman fardhu 'ain yang mendalamlah baru boleh difahami makna '*adil* dan *zulm*' (hal. 101), dua konsep yang perlu ada untuk mewarnakan erti pembangunan yang beliau utarakan. Seseorang itu seharusnya berlaku adil kepada diri untuk membolehkannya berlaku adil kepada Tuhan dan kepada manusia lain. Menerusi fahaman keadilan yang betullah maka kestabilan negara boleh diperolehi. Lantaran itu, isu intisari keadilan perlu disemai dalam pendidikan negara. Misalnya, dalam usaha kerajaan untuk menjaga kebajikan pelajar miskin bumiputera, janganlah pelajar miskin bukan bumiputera terbiar begitu sahaja.

Beliau agak kecewa dengan perhatian yang lebih besar yang diberikan kepada ahli sukan dan para artis berbanding dengan kelompok masyarakat yang lain, misalnya para ilmuwan, yang menurut beliau merupakan 'bintang-bintang' yang sebenar kerana dalam kebudayaan tradisional, istilah 'bintang' merujuk kepada mereka yang '*berilmu pengetahuan tinggi, berakhlak dan beradab mulia seperti para anbiya' dan ulama.*' (hal. 128). Orang-orang inilah yang boleh memainkan peranan penting untuk meningkatkan perpaduan dan keutuhan negara, yang menjadikan sebahagian tanggung jawab mereka mempertahankan cita-cita dan nilai murni (hal. 132).

Dalam perbincangan beliau tentang Dasar Kebudayaan Kebangsaan, beliau berpendapat bahawa rakyat Malaysia umumnya telah mencapai tahap toleransi yang munasabah dalam soal hubungan antara kaum. Yang masih lagi menjadi cabaran utama adalah toleransi perbezaan fahaman politik. Menurut beliau, rakyat Malaysia sewajarnya dapat berkerjasama antara satu sama lain walaupun berbeza fahaman politik masing-masing (hal. 139), seperti yang berlaku di Amerika Syarikat. Di sana ahli parti Demokrat dan Republikan boleh duduk berkerjasama dalam jawatankuasa-jawatankuasa pelbagai peringkat walaupun falsafah politik mereka bertentangan antara satu sama lain.

Jelas sekali menerusi hujah-hujah beliau bahawa yang harus dihindari oleh masyarakat Malaysia adalah pendekatan yang melampau, baik atas nama keagamaan atau pun pandangan kefalsafahan. Menerusi pendekatan keagamaan yang sederhana (berbanding dengan pendekatan kesederhanaan tentang agama yang meremehkan rukun-rukun agama) sahajalah toleransi, kebijaksanaan, perpaduan, dan ilmu pengetahuan yang berguna dapat dihasilkan. Beliau yakin bahawa pendekatan sedemikian inilah nantinya yang boleh menghasilkan negara Malaysia yang aman dan makmur, yang membangun seperti sepohon kayu rendang nan menghijau yang menjadi tempat berteduh untuk semua. Pohon seperti ini hanya boleh tumbuh jika penanamnya memahami hakikat pembangunan yang sebenar, iaitu makna pembangunan yang cuba diketengahkan beliau dalam buku yang menarik, ringkas tetapi menyeluruh ini.

Abdul Latif Samian